D.R. 32/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUPAN WANG 1997

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Fungsi Bank.

BAHAGIAN II

PELESENAN

4. Larangan daripada menjalankan perniagaan pengurupan wang.
5. Pemohon lesen.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
7. Pemberian lesen.
8. Fee lesen.
9. Tempoh lesen.
10. Syarat lesen.
11. Mempamerkan lesen.
12. Pembatalan lesen.
13. Rayuan terhadap pembatalan lesen.
14. Lesen apabila dibatalkan hendaklah dikemukakan kepada Bank.
15. Kesan pembatalan.

Fasal

16. Penyerahan balik lesen.
17. Pemeliharaan hak dan tuntutan.
18. Kelulusan untuk menukar butir-butir pelesenan.
19. Senarai pemegang lesen hendaklah diwartakan.

BAHAGIAN III

PEJABAT PEMEGANG LESEN

20. Pejabat pemegang lesen.
21. Permohonan bagi kelulusan.
22. Fee bagi pejabat.

BAHAGIAN IV

PERNIAGAAN PENGURUPAN WANG

23. Modal syer berbayar yang minimum.
24. Penggunaan perkataan "pengurup wang", "tukaran mata wang", dsb.
25. Nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat.
26. Iklan.
27. Mempamerkan kadar.
28. Pemegang lesen hendaklah menyediakan resit.
29. Pegangan maksimum mata wang asing.
30. Tiada pengiriman atau pemindahan dana.
31. Larangan pemajakan, pemindahan, dsb., perniagaan pengurupan wang.
32. Pelantikan pengarah, dsb.
33. Juruaudit.
34. Pengemukaan maklumat atau dokumen.
35. Pengemukaan maklumat palsu.

BAHAGIAN V

PENYIASATAN

36. Pelantikan pegawai penyiasat.
37. Kuasa pegawai penyiasat untuk menggeledah dan menyita.

Fasal

38. Pemeriksaan ke atas seseorang.
39. Pemeriksaan orang oleh orang yang sama jantina.
40. Galangan terhadap pegawai penyiasat.
41. Kehendak untuk menyediakan terjemahan.
42. Kuasa untuk memeriksa orang.
43. Penyerahan harta atau dokumen.
44. Bantuan kepada pegawai awam.
45. Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pengkhidmat awam dan pegawai awam.
46. Orang yang ditangkap hendaklah diserahkan kepada pihak polis.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

47. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
48. Tanggungan pengarah, dsb.
49. Pengenaan surcaj.
50. Tanggung rugi.
51. Peraturan-peraturan.
52. Ketakpakaian Akta.
53. Kesalahan boleh tangkap.
54. Kuasa Gabenor untuk mengkompaun kesalahan.
55. Pendakwaan.
56. Percubaan, persubahatan dan pakatan.
57. Menteri boleh meminda Jadual Pertama atau Jadual Kedua.

BAHAGIAN VII

KECUALIAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

58. Kecualian.
59. Pemberian lesen kepada orang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen 58(1).
60. Pemindahan perniagaan kepada syarikat dan meningkatkan modal syer berbayar.
61. Pembatalan lesen kerana ketakpatuhan seksyen 60.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan pengurupan wang dan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengurupan Wang 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta.*

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Bank" ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 1958; *Akta 519.*

"ditentukan" ertinya ditentukan secara bertulis, dan suatu kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk penentuan yang berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan, dan untuk meminda apa-apa penentuan;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang disiarkan dalam *Warta,* dan suatu kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam peraturan-peraturan bagi orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan;

"dokumen" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Keterangan 1950;

Akta 56.

"Gabenor" ertinya Gabenor Bank dan termasuklah seseorang Timbalan Gabenor Bank;

"lesen" ertinya lesen yang diberikan di bawah seksyen 7;

"mata wang asing" ertinya mata wang kertas dan syiling yang sah laku dalam mana-mana wilayah di luar Malaysia, tidak termasuk mata wang asing yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"pegawai", berhubungan dengan suatu institusi, termasuklah seorang pekerja dan ketua pegawai eksekutif;

"pejabat" termasuklah tempat utama perniagaan dan mana-mana tempat lain yang dari tempat itu atau pada tempat itu perniagaan pengurupan wang dijalankan, dan termasuklah juga suatu terminal elektronik;

"pemegang lesen" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Akta ini;

"pengarah" termasuklah mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah, tidak kira dengan apa jua namanya disebut dan, khususnya, tanpa menjejaskan peruntukan terdahulu dalam hal —

(a) suatu perbadanan, mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

(b) suatu badan berkanun, ertinya seorang anggota lembaga, majlis atau badan pengelola lain, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, bagi badan berkanun itu;

(c) suatu perkongsian, ertinya seorang pekongsi;

(d) suatu ketuanpunyaan tunggal, ertinya tuan punya tunggal; dan

(e) mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, ertinya mana-mana orang yang mengarah dan mengawal pengurusan hal-ehwal atau perniagaannya;

"peniaga yang diberikuasa", berhubungan dengan mata wang asing, ertinya seseorang yang pada masa ini diberikuasa melalui suatu perintah Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk bertindak bagi maksud Akta itu sebagai peniaga yang diberikuasa; *Akta 17.*

"perniagaan pengurupan wang" mempunyai erti yang dinyatakan dalam subseksyen 4(3);

"syarikat" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Syarikat 1965; *Akta 125.*

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;

"urus niaga tukaran mata wang" ertinya pertukaran satu mata wang asing dengan ringgit atau dengan mata wang asing yang lain.

3. (1) Bank hendaklah mempunyai segala fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini dan Gabenor hendaklah melaksanakan fungsi Bank bagi pihak Bank. Fungsi Bank.

(2) Bank boleh memberikuasa seseorang pegawai Bank atau mana-mana orang lain untuk melaksanakan mana-mana atau kesemua fungsinya di bawah Akta ini dan, khususnya, Bank boleh memberikuasa seseorang pegawai

Bank untuk menjadi pegawai pelesenan yang bertanggungjawab bagi pelesenan seseorang di bawah Bahagian II.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan daripada menjalankan perniagaan pengurupan wang.

4. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan pengurupan wang tanpa suatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didetida tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Akta ini, "perniagaan pengurupan wang" ertinya—

(a) perniagaan untuk memasuki urus niaga tukaran mata wang pada kadar tukaran;

(b) perniagaan membeli cek kembara pada kadar tukaran; atau

(c) apa-apa perniagaan lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri.

Pemohon lesen.

5. Tiada seorang pun boleh memohon untuk mendapatkan suatu lesen untuk menjalankan perniagaan pengurupan wang melainkan jika—

(a) ia sebuah syarikat; dan

(b) ia mempunyai modal syer berbayar yang minimum, tidak terjejas oleh kerugian, sebanyak satu ratus ribu ringgit atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri.

Permohonan untuk mendapatkan lesen.

6. Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen. hendaklah dibuat secara bertulis kepada Bank dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank.

7. Apabila menerima sesuatu permohonan di bawah seksyen 6, Bank boleh memberikan suatu lesen, dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan suatu lesen. Pemberian lesen.

8. (1) Seseorang pemegang lesen, apabila dilesenkan atau apabila lesennya diperbaharui, hendaklah membayar kepada Bank suatu fee sebanyak lima ratus ringgit, atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan tempat utama perniagaannya. Fee lesen.

(2) Seseorang pemegang lesen yang tidak membayar fee di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan surcaj di bawah seksyen 49.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), lesen seseorang pemegang lesen yang tidak membayar fee di bawah subseksyen (1) boleh dibatalkan di bawah seksyen 12.

9. (1) Sesuatu lesen hendaklah berkuatkuasa bagi suatu tempoh selama lima tahun atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank dalam lesen. Tempoh lesen.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memohon untuk memperbaharui lesennya tidak kurang daripada satu bulan sebelum habis tempoh lesennya dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank.

10. Bank, boleh pada bila-bila masa — Syarat lesen.

(a) mengenakan apa-apa syarat ke atas seseorang pemegang lesen;

(b) meminda apa-apa syarat yang dikenakan ke atas seseorang pemegang lesen; atau

(c) membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas seseorang pemegang lesen.

Mempamerkan lesen.

11. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan —

(a) lesennya di kedudukan yang mudah dilihat di tempat utama perniagaannya; dan

(b) suatu salinan lesennya di setiap pejabatnya yang lain, selain daripada terminal elektronik.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pembatalan lesen.

12. (1) Bank boleh membatalkan sesuatu lesen jika ia berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen itu telah membuat suatu pernyataan yang palsu atau tidak benar dalam permohonannya untuk mendapatkan suatu lesen;

(b) pemegang lesen itu telah berhenti menjalankan perniagaan pengurupan wang atau pemegang lesen telah dilikuidasikan atau telah digulung atau selainnya dibubarkan;

(c) pemegang lesen itu melanggar atau telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

(d) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana syarat lesennya; atau

(e) pemegang lesen itu, mana-mana pemegang sahamnya atau mana-mana pengarah,atau pegawainya, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wang pemegang lesen itu,telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Syarikat 1965 atau apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan.

Akta 519.
Akta 372.
Akta 276.
Akta 553.
Akta 312.
Akta 17.
Akta 125.

(2) Jika Bank bercadang untuk membatalkan sesuatu lesen, Bank hendaklah memberi pemegang lesen suatu notis bertulis yang menyatakan pembatalan yang dicadangkan itu dan alasan bagi pembatalan itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis bertulis itu.

(4) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang ditentukan di bawah subseksyen (3), Bank hendaklah membatalkan lesen itu melalui notis bertulis.

(5) Jika representasi diterima, Bank, selepas mempertimbangkan representasi itu, hendaklah memberi pemegang lesen notis bertulis mengenai keputusannya.

(6) Suatu pembatalan di bawah subseksyen (4), atau suatu keputusan untuk membatalkan lesen di bawah subseksyen (5), tidaklah boleh berkuatkuasa sehingga habis tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika Bank memutuskan di bawah subseksyen (5) untuk tidak membatalkan lesen itu, ia boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan ke atas pemegang lesen sebagaimana yang boleh ditentukan olehnya dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subseksyen itu.

Rayuan terhadap pembatalan lesen.

13. (1) Seseorang yang lesennya telah dibatalkan boleh, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis bertulis dalam subseksyen 12(4) atau (5) atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang boleh dibenarkan oleh Bank, merayu secara bertulis terhadap pembatalan itu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Tiap-tiap rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan kepada Bank dan Bank hendaklah mengemukakan rayuan bertulis itu kepada Menteri bersama dengan syor Bank sama ada rayuan itu patut dibenarkan atau ditolak.

(3) Jika, dalam tempoh yang ditentukan dalam subseksyen (1), orang yang lesennya telah dibatalkan merayu kepada Menteri, pembatalan itu tidaklah boleh berkuatkuasa melainkan jika Menteri mengesahkan pembatalan itu, atau atas apa-apa sebab, menolak rayuan itu atau rayuan itu ditarik balik.

Lesen apabila dibatalkan dikemukakan kepada Bank.

14. (1) Seseorang yang lesennya telah dibatalkan hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan atau, jika dia merayu di bawah subseksyen 13(1), dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan itu mula berkuatkuasa di bawah subseksyen 13(3), mengemukakan lesennya kepada Bank.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesan pembatalan.

15. (1) Tiada seorang pun yang lesennya telah dibatalkan boleh meneruskan perniagaan pengurupan wang selepas pembatalan berkuatkuasa di bawah seksyen 12 atau 13.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Apabila lesen itu dibatalkan, Bank tidaklah boleh memulangkan apa-apa fee yang telah dibayar oleh seseorang di bawah seksyen 8 dan 22.

Penyerahan balik lesen.

16. (1) Seseorang pemegang lesen yang bercadang untuk menyerahkan balik lesennya hendaklah memberikan notis bertulis kepada Bank yang memaklumkan Bank tentang cadangan penyerahan balik lesen itu, sebab-sebab penyerahan balik itu dan tarikh penyerahan balik itu akan berkuatkuasa.

(2) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan lesennya kepada Bank dengan serta-merta selepas tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila lesen itu diserahkan balik, Bank tidaklah boleh memulangkan apa-apa fee yang telah dibayar oleh pemegang lesen di bawah seksyen 8 dan 22.

Pemeliharaan hak dan tuntutan.

17. Seksyen 15 dan 16 tidaklah boleh menjejaskan penguatkuasaan —

(a) apa-apa hak atau tuntutan oleh mana-mana orang terhadap seseorang yang lesennya telah dibatalkan atau diserahkan balik; atau

(b) apa-apa hak atau tuntutan terhadap mana-mana orang oleh orang yang lesennya telah dibatalkan atau diserahkan balik,

yang berbangkit daripada, atau mengenai, apa-apa perkara atau benda yang berlaku sebelum pembatalan atau penyerahan balik lesen itu.

Kelulusan untuk menukar butir-butir pelesenan.

18. Seseorang pemegang lesen yang, tanpa kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu, membuat apa-apa pertukaran dalam—

(a) namanya;

(b) alamat mana-mana pejabatnya;

(c) keanggotaan lembaga pengarahnya;

(d) pemegang syernya dan struktur pemegangan syernya;

(e) memorandum dan artikel persatuannya atau apa-apa dokumen konstituen lain yang di bawahnya, atau yang menurutnya, pemegang lesen itu telah ditubuhkan; atau

(f) butir-butir pemegang lesen yang dikemukakan semasa permohonan untuk mendapatkan lesen sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Senarai pemegang lesen hendaklah diwartakan.

19. Bank hendaklah menyiarkan dalam *Warta* senarai pemegang lesen bersama dengan alamat pejabatnya tidak lewat daripada 30 April setiap tahun dan pindaan kepada senarai itu hendaklah disiarkan dari semasa ke semasa apabila ia dibuat.

BAHAGIAN III

PEJABAT PEMEGANG LESEN

Pejabat pemegang lesen.

20. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh membuka atau menempatkan semula sebuah pejabat dalam Malaysia tanpa memperoleh kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

(2) Bank, dalam memberikan kelulusannya di bawah subseksyen (1), boleh mengenakan syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Permohonan bagi kelulusan.

21. Seseorang pemegang lesen hendaklah memohon secara bertulis untuk mendapatkan kelulusan bertulis Bank di bawah seksyen 20 dalam bentuk dan mengikut cara yang boleh ditentukan oleh Bank.

Fee bagi pejabat.

22. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah membayar kepada Bank—

(a) suatu fee sebanyak lima ratus ringgit, atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri, apabila memperoleh kelulusan daripada Bank di bawah seksyen 20 untuk membuka suatu pejabat, selain daripada tempat utama perniagaannya; dan

(b) suatu fee tahunan sebanyak lima ratus ringgit, atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri, berkenaan dengan tempat utama perniagaannya dan setiap pejabatnya yang lain.

(2) Fee tahunan yang kena dibayar oleh pemegang lesen di bawah perenggan (1)*(b)* hendaklah kena dibayar satu bulan sebelum tarikh ulang tahun lesennya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), seseorang pemohon untuk mendapatkan lesen hendaklah membayar fee tahunan di bawah perenggan (1)*(b)* apabila dilesenkan di bawah seksyen 7.

(4) Seseorang pemegang lesen yang tidak membayar fee yang ditentukan dalam subseksyen (1) dalam tempoh yang ditentukan dalam subseksyen (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dikenakan surcaj di bawah seksyen 49.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), lesen seseorang pemegang lesen yang tidak membayar fee di bawah subseksyen (1) boleh dibatalkan di bawah seksyen 12.

BAHAGIAN IV

PERNIAGAAN PENGURUPAN WANG

Modal syer berbayar yang minimum.

23. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyenggara dalam Malaysia pada setiap masa modal syer berbayar yang minimum, yang tidak terjejas oleh kerugian, sebanyak satu ratus ribu ringgit atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penggunaan perkataan "pengurup wang", "tukaran mata wang", dsb.

24. (1) Tiada seorang pun boleh tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Bank, menggunakan perkataan "pengurup wang", "tukaran mata wang", "tukaran wang", "peniaga mata wang asing", "tukaran mata wang asing" atau *"bureau de change"* atau apa-apa terbitannya dalam mana-mana bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam mana-mana bahasa yang dapat ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan pengurupan wang, yang berhubungan dengan perniagaannya, atau dalam nama, perihalan atau tajuk

yang di bawahnya ia menjalankan perniagaan atau membuat apa-apa pernyataan yang memberi kesan sedemikian dalam apa-apa kepala bil, surat, notis atau iklan atau dalam apa-apa cara lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi seseorang pemegang lesen, seseorang peniaga yang diberikuasa atau seseorang yang diberi kebenaran oleh Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk membeli dan menjual mata wang asing.

Akta 17.

Nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat.

25. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah melekatkan atau mengecat dengan ketara namanya dan perkataan "pengurup wang berlesen" dan "licensed money-changer" di luar setiap pejabatnya dalam kedudukan yang mudah dilihat, selain daripada suatu terminal elektronik.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Iklan.

26. (1) Tiada seorang pun, selain daripada seorang pemegang lesen, boleh menerbitkan atau menyiarkan, atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiarkan, suatu iklan yang mengandungi—

(a) suatu pelawaan atau tawaran untuk memasuki urus niaga tukaran mata wang atau lain-lain urus niaga yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang; atau

(b) maklumat yang bermaksud atau yang mungkin semunasabahnya dianggap bermaksud untuk

membawa, secara langsung atau tak langsung, kepada suatu urus niaga tukaran mata wang atau apa-apa urus niaga lain yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorang pun boleh menerbitkan, menyiarkan atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiarkan suatu iklan berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang yang dia tahu adalah mengelirukan, palsu atau memperdayakan dalam sesuatu butir material.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Mempamerkan kadar.

27. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyenggara suatu papan kenyataan yang mernpamerkan kadar tukaran semasa yang ditawarkan olehnya kepada pelanggan bagi urus niaga tukaran mata wang atau apa-apa urus niaga lain yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wangnya.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah—

(a) mengadakan suatu papan kenyataan yang cukup besar untuk mernpamerkan kadar tukaran dalam cara yang mudah dilihat dan dibaca oleh pelanggan;

(b) meletakkan papan kenyataan itu di suatu tempat yang terang di mana pelanggan mempunyai pandangan yang tidak terhalang pada papan kenyataan itu; dan

(c) mernpamerkan pada papan kenyataan itu kadar tukaran belian dan jualan masing-masingnya di bawah tajuk "kami beli" dan "kami jual".

(3) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pemegang lesen boleh menawarkan kepada pelanggan suatu kadar tukaran yang lebih menguntungkan daripada yang ditunjukkan pada papan kenyataan itu.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "papan kenyataan" ertinya suatu alat yang digunakan untuk mempamerkan kadar tukaran yang dikehendaki di bawah Akta ini dan termasuklah skrin paparan video.

Pemegang lesen hendaklah menyediakan resit.

28. (1) Seseorang pemegang lesen, sebelum menyempurnakan suatu urus niaga tukaran mata wang atau apa-apa urus niaga lain yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wangnya, hendaklah menyediakan dalam cara yang mudah dibaca suatu resit berpendua dalam kedua-dua bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, dengan melengkapkan dengan betul, dengan menggunakan angka-angka Arab dan singkatan yang biasanya digunakan untuk menunjukkan jenis mata wang, butir-butir yang berikut:

(a) nama pemegang lesen, alamat dan nombor telefonnya;

(b) tarikh urus niaga itu;

(c) suatu nombor siri untuk resit itu;

(d) amaun dan jenis mata wang yang ditawarkan oleh pelanggan;

(e) amaun dan jenis mata wang yang akan dikeluarkan kepada pelanggan;

(f) kadar tukaran mata wang; dan

(g) nama pelanggan itu dan nombor pasport atau kad pengenalannya, jika urus niaga adalah untuk suatu amaun berjumlah tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit atau apa-apa amaun lain yang boleh ditentukan oleh Bank.

(2) Seseorang pegawai pemegang lesen hendaklah menandatangani resit itu dan hendaklah mengeluarkan resit asal kepada pelanggan.

(3) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyimpan salinan pendua resit selama tempoh tidak kurang daripada dua puluh empat bulan dan hendaklah mengemukakannya untuk pemeriksaan dan penyalinan apabila diminta oleh Bank atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Bank.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pegangan maksimum mata wang asing.

29. (1) Tiada pemegang lesen boleh memegang mata wang asing di setiap pejabatnya sebanyak suatu amaun yang melebihi persamaan dua ratus lima puluh ribu ringgit atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Tiada pengiriman atau pemindahan dana.

30. (1) Tiada pemegang lesen, dalam Malaysia, boleh—

(a) mengirim atau memindahkan dana ke luar Malaysia; atau

(b) melakukan apa-apa perbuatan yang melibatkan, yang berkaitan dengan, atau sebagai persediaan bagi, pengiriman atau pemindahan dana ke luar Malaysia, sama ada bagi pihak dirinya atau bagi pihak pihak ketiga.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pemegang lesen, bagi pihak dirinya, boleh mengirim atau memindahkan dana ke luar Malaysia melalui peniaga yang diberikuasa.

Larangan, pemajakan, pemmdahan, dsb.. perniagaan pengurupan wang.

31. (1) Tiada pemegang lesen boleh tanpa kelulusan bertulis Bank, membenarkan mana-mana bahagian perniagaan pengurupan wangnya dipajakkan, dipindahmilikkan atau diserahhakkan kepada, atau dikawal oleh, mana-mana orang lain, kecuali setakat atau bagi tempoh, yang boleh ditentukan oleh Bank dalam kelulusannya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Pelantikan pengarah, dsb.

32. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah, sebelum melantik seseorang pengarah, atau pegawai, yang dengan apa-apa cara akan mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wangnya, terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Bank bagi pelantikan yang dicadangkan itu.

(2) Bank boleh menentukan butir-butir dan maklumat yang akan dikemukakan oleh pemegang lesen berhubungan dengan orang yang baginya kelulusan bertulis Bank diminta di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(4) Seorang pemegang lesen yang melantik seorang pengarah, atau pegawai, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wangnya, tanpa mengambil kira kriteria minimum orang yang "layak dan sesuai" yang dinyatakan dalam Jadual Kedua adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(5) Bank hendaklah mempunyai budi bicara penuh untuk memutuskan sama ada seseorang telah memenuhi kriteria minimum orang yang "layak dan sesuai" yang dinyatakan di bawah perenggan (1) Jadual Kedua.

Juruaudit

33. (1) Seseorang pemegang lesen, atas perbelanjaannya sendiri, hendaklah melantik setiap tahun seorang juruaudit bagi menjalankan suatu audit perniagaan pengurupan wangnya.

(2) Bank boleh menghendaki seseorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1)—

(a) supaya mengemukakan kepada Bank apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Bank berhubungan dengan pengauditan yang dijalankan olehnya;

(b) supaya memperluas atau melanjutkan ruang lingkup pengauditannya tentang perniagaan pengurupan wang dan hal-ehwal pemegang lesen itu;

(c) supaya menjalankan apa-apa pemeriksaan atau mengadakan apa-apa prosedur dalam apa-apa hal tertentu; atau

(d) supaya mengemukakan suatu laporan kepada Bank mengenai apa-apa perkara dalam perenggan *(b)* dan *(c)*.

(3) Bagi maksud perenggan (2)*(a)*, maklumat yang dikehendaki berhubungan dengan pengauditan bolehlah termasuk yang berikut:

(a) akaun untung dan rugi bagi perniagaan pengurupan wang itu;

(b) jumlah urus niaga tukaran mata wang atau apa-apa urus niaga lain yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang itu dalam persamaan ringgit;

(c) suatu laporan sama ada rekod yang sepatutnya bagi urus niaga tukaran mata wang atau apa-apa urus niaga lain berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang itu telah disenggarakan;

(d) suatu laporan sama ada pemegang lesen telah mematuhi syarat-syarat lesennya; dan

(e) suatu laporan sama ada pemegang lesen telah mematuhi peruntukan Akta ini dan undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

(4) Pemegang lesen hendaklah membayar saraan juruaudit berhubungan dengan perkhidmatan juruaudit itu di bawah seksyen ini.

(5) Bank, jika difikirkannya bahawa juruaudit yang dilantik oleh pemegang lesen telah tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan Bank, bolehlah menghendaki pemegang lesen itu supaya melantik seorang juruaudit lain.

(6) Juruaudit hendaklah mengemukakan suatu salinan laporan audit yang telah ditandatangani olehnya dengan sewajarnya kepada Bank tidak lewat daripada tiga bulan atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank selepas tamat tahun kewangan pemegang lesen.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Pengemukaan maklumat atau dokumen.

34. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Bank, atau kepada mana-mana orang yang diberikuasa oleh Bank, apa-apa penyata, dokumen atau maklumat, dan dalam tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pengemukaan maklumat palsu.

35. Seseorang yang—

(a) dengan niat untuk mengelak daripada peruntukan Akta ini, memusnahkan, mencacatkan, merosakkan, menyembunyikan atau mengalihkan apa-apa dokumen; atau

(b) memberikan apa-apa maklumat yang palsu dalam sesuatu butir material bagi mana-mana maksud Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

PENYIASATAN

Pelantikan pegawai penyiasat.

36. (1) Bank boleh melantik mana-mana pegawainya atau mana-mana orang lain yang diberikuasa di bawah subseksyen 3(2) untuk menjadi pegawai penyiasat.

(2) Seseorang pegawai penyiasat, yang bukan seorang pegawai Bank, hendaklah tertakluk kepada, dan menikmati hak, perlindungan dan tanggung rugi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang memperuntukkan hak, perlindungan dan tanggung rugi bagi seseorang pegawai Bank semasa melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini dan berhubungan dengan fungsi itu.

Akta 519.

(3) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Bank.

Kuasa pegawai penyiasat untuk menggeledah dan menyita.

37. (1) Jika didapati oleh Majistret, daripada maklumat bertulis yang dibuat atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan atau sedang hendak digunakan bagi, atau terdapat dalam atau di mana-mana premis keterangan yang perlu bagi membuktikan, pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka Majistret boleh mengeluarkan waran yang memberikuasa pegawai penyiasat untuk, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada siang atau malam dan dengan bantuan atau tanpa bantuan—

(a) memasuki mana-mana premis dan di situ menggeledah, menyita dan menahan apa-apa harta atau dokumen;

(b) memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan daripada, apa-apa dokumen yang disita dan ditahan sedemikian;

(c) mengambil milik, dan memindahkan dari premis, apa-apa harta atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian dan menahannya selama tempoh yang perlu;

(d) memeriksa mana-mana orang yang berada dalam, atau di premis itu, dan bagi maksud pemeriksaan itu, menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat yang perlu untuk mempermudah pemeriksaan itu, dan menyita dan menahan apa-apa harta atau dokumen yang dijumpai pada orang itu;

(e) memecah buka, memeriksa, dan menggeledah, apa-apa artikel, bejana atau bekas; atau

(f) memberhentikan, menahan atau menggeledah mana-mana kenderaan.

(2) Seseorang pegawai penyiasat, jika perlu untuk berbuat demikian—

(a) boleh memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam mana-mana premis atau kenderaan dan masuk ke dalam mana-mana premis atau kenderaan;

(b) boleh dengan kekerasan masuk ke dalam mana-mana premis dan tiap-tiap bahagiannya;

(c) boleh mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pengalihan yang dia mempunyai kuasa untuk melakukannya; atau

(d) boleh menahan mana-mana orang yang didapatinya ada dalam mana-mana premis, atau dalam mana-mana kenderaan, yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga penggeledahan itu selesai.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang pegawai penyiasat mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa disebabkan sesuatu kelengahan mendapatkan waran geledah maka—

(a) penyiasatan itu akan terjejas;

(b) tujuan kemasukan itu mungkin terkecewa;

(c) harta atau dokumen itu mungkin dialihkan atau diganggu; atau

(d) keterangan yang dicari mungkin diganggu atau dimusnahkan,

dia boleh menjalankan dalam, dan berkenaan dengan, premis itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen ini secara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberikuasa untuk berbuat demikian dengan waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

(4) Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik, dan menahan untuk suatu jangka masa sebagaimana yang difikirkan perlu, apa-apa harta atau dokumen yang dikemukakan kepadanya semasa penyiasatannya, atau yang dijumpai pada orang yang diperiksanya itu.

(5) Seseorang pegawai penyiasat, semasa penyiasatan atau penggeledahannya—

(a) hendaklah menyediakan dan menandatangani suatu senarai tiap-tiap harta atau dokumen yang disita; dan

(b) hendaklah menyatakan dalam senarai itu tempat di mana, atau orang yang padanya, harta atau dokumen itu dijumpai.

(6) Penghuni premis yang dimasuki semasa penyiasatan, atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah hadir semasa penggeledahan dan suatu salinan senarai yang disediakan di bawah subseksyen (5) hendaklah diserahkan kepada orang itu.

(7) Seseorang pegawai penyiasat, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah—

(a) pada akhir penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya; atau

(b) dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada mana-mana pegawai Bank yang diberikuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud ini, atau mana-mana pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya pada bila-bila masa sebelum penyiasatan berakhir,

hendaklah melepaskan mana-mana harta atau dokumen yang disita, ditahan atau dialihkan olehnya, atau mana-mana pegawai penyiasat lain, kepada orang yang daripadanya harta atau dokumen itu telah disita, ditahan atau dialihkan, jika dia berpuas hati bahawa harta atau dokumen itu tidak diperlukan bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(8) Pegawai penyiasat yang menyebabkan pelepasan di bawah subseksyen (7) hendaklah merekodkan secara bertulis hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan itu.

(9) Jika seseorang pegawai penyiasat tidak dapat mengesan orang di bawah subseksyen (7) yang daripadanya harta atau dokumen itu telah disita, ditahan atau dialihkan, dia hendaklah melaporkan perkara itu kepada mahkamah yang hendaklah memperlakukan harta atau dokumen yang disita, ditahan atau dialihkan itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 413(iii) dan (iv), seksyen 414 dan 415 dan subseksyen 416(i) Kanun Prosedur Jenayah. *N.M.B. Bab 6.*

Pemeriksaan ke atas seseorang.

38. (1) Seseorang pegawai penyiasat boleh memeriksa mana-mana orang yang pada dirinya pegawai penyiasat itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ada apa-apa harta atau dokumen yang perlu, pada pendapat pegawai penyiasat itu, bagi maksud penyiasatan ke atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dan bagi maksud pemeriksaan itu boleh menahan orang itu selama apa-apa tempoh yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan itu, yang tidaklah boleh, dalam mana-mana hal, melebihi dua puluh empat jam tanpa kebenaran seorang Majistret, dan boleh jika perlu memindahkan orang itu dalam jagaan ke suatu tempat lain untuk mempermudah pemeriksaan itu.

(2) Seseorang pegawai penyiasat yang melakukan pemeriksaan ke atas seseorang di bawah subseksyen (1) boleh menyita, menahan atau mengambil milik apa-apa harta atau dokumen yang dijumpai pada diri orang itu bagi maksud penyiasatan yang sedang dijalankan olehnya.

Pemeriksaan orang oleh orang yang sama jantina,

39. Tiada seorang pun boleh diperiksa di bawah Bahagian ini kecuali oleh seorang pegawai penyiasat yang sama jantinanya dengan orang yang diperiksa.

Galangan terhadap pegawai penyiasat.

40. Mana-mana orang yang—

(a) enggan memberi seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Bahagian ini akses ke mana-mana premis atau tidak membenarkan dirinya diperiksa;

(b) menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan seseorang pegawai penyiasat masuk sedangkan dia berhak masuk;

(c) tidak mematuhi apa-apa tuntutan yang sah daripada seseorang pegawai penyiasat dalam melaksanakan tugasnya di bawah Bahagian ini;

(d) enggan memberi seseorang pegawai penyiasat apa-apa harta, dokumen atau maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;

(e) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba menyembunyikan daripada, seseorang pegawai penyiasat atau memusnahkan, mengubah atau mengalihkan, apa-apa harta atau dokumen yang dikehendaki oleh pegawai penyiasat itu;

(f) mengambil semula atau berusaha untuk mengambil semula apa-apa benda yang telah disita, ditahan atau dialihkan;

(g) memberi seseorang pegawai penyiasat dengan mengatakan sebagai benar, maklumat yang dia tahu, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu; atau

(h) sebelum atau selepas apa-apa penggeledahan atau penyitaan, memecahkan atau selainnya memusnahkan apa-apa harta atau dokumen untuk mengelakkannya daripada disita, atau menghalang pelindungan harta atau dokumen itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kehendak untuk menyediakan terjemahan

41. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat menjumpai, menyita, menahan atau mengambil milik sesuatu dokumen yang, pada keseluruhannya atau sebahagiannya adalah dalam suatu bahasa selain daripada bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, atau dalam apa-apa isyarat atau kod, maka pegawai penyiasat itu, secara lisan atau secara bertulis, boleh menghendaki orang yang mempunyai

milikan, jagaan atau kawalan ke atas dokumen itu, supaya memberi pegawai penyiasat itu suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dalam tempoh yang boleh ditentukan oleh pegawai penyiasat itu.

(2) Jika orang yang dikehendaki memberikan suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) itu bukanlah orang di bawah siasatan, maka Bank bolehlah membayar kepadanya fee yang munasabah bagi terjemahan itu.

Kuasa untuk memeriksa orang.

42. (1) Seseorang pegawai penyiasat, melalui notis secara bertulis, boleh menghendaki mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan sesuatu kes untuk hadir di hadapannya untuk diperiksa secara lisan dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk tulisan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan yang ditujukan kepadanya oleh pegawai penyiasat itu berhubungan dengan apa-apa kes dan menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat kesemuanya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan, dan tidaklah boleh menolak untuk menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa ia mungkin menunjukkan dia bersalah.

(3) Seseorang pegawai penyiasat yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah memberitahu orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2).

(4) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah diubah ke dalam bentuk tulisan oleh pegawai penyiasat dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan —

(a) selepas ia dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya; dan

(b) setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

(5) Jika orang yang diperiksa di bawah seksyen ini enggan menandatangani atau melekatkan cap ibu jarinya pada pernyataan itu, pegawai penyiasat itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa.

(6) Mana-mana orang yang—

(a) tidak hadir di hadapan seseorang pegawai penyiasat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1);

(b) enggan menjawab apa-apa soalan yang ditujukan kepadanya oleh seseorang pegawai penyiasat di bawah subseksyen (2); atau

(c) memberi seseorang pegawai penyiasat maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Penyerahan harta atau dokumen.

43. (1) Seseorang pegawai penyiasat, melalui notis bertulis, boleh menghendaki mana-mana orang supaya menyerahkan kepadanya apa-apa harta atau dokumen yang dia ada sebab untuk mempercayai telah digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau boleh membantunya dalam penyiasatan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang ada dalam milikan atau jagaan atau di bawah kawalan orang itu atau yang orang itu berkuasa untuk memberikannya.

(2) Seseorang pegawai penyiasat boleh memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk memeriksa harta atau dokumen yang ditahan dan diambil milik oleh pegawai penyiasat itu di bawah subseksyen (1) jika orang itu adalah berhak untuk memeriksa harta atau dokumen itu di bawah Akta ini.

(3) Seseorang yang—

(a) tidak menyerahkan apa-apa harta atau dokumen yang dikehendaki oleh seseorang pegawai penyiasat; atau

(b) menggalang atau menghalang seseorang pegawai penyiasat semasa menjalankan apa-apa kuasanya di bawah seksyen ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bantuan kepada pegawai awam.

44. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, Bank, atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan seorang pegawai polis atau seorang pegawai awam semasa menjalankan penyiasatannya mengenai suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, boleh membenarkan pegawai itu akses kepada—

(a) suatu salinan dokumen yang disita, ditahan atau diambil milik;

(b) suatu rekod pemeriksaan; atau

(c) suatu pernyataan bertulis.

Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pengkhidmat awam dan pegawai awam.

N.M.B. Bab 45.
N.M.B. Bab 6.

45. Seseorang pegawai penyiasat hendaklah disifatkan sebagai seorang pengkhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan, dan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri, atas syor Bank.

Orang yang ditangkap hendaklah diserahkan kepada pihak polis.

46. Seorang pegawai penyiasat yang membuat tangkapan di bawah seksyen 53 hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada seorang pegawai polis dan orang yang ditangkap itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan prosedur jenayah seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

47. Tertakluk kepada seksyen 48, jika seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan ialah suatu pertubuhan perbadanan, penalti pemenjaraan bagi kesalahan itu, jika ada, tidaklah terpakai baginya.

Tanggungan pengarah, dsb.

48. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, atau seorang pegawai, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wang pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dilakukannya, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan.

(2) Mana-mana orang yang akan didapati melakukan suatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya sendiri, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika kesalahan itu telah dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh ejen atau pegawainya semasa menjalankan perniagaannya atau semasa menjalankan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinannya dan dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah perkara itu daripada dilakukan, atau ditinggalkan daripada dilakukan.

(3) Tiada apa-apa jua di bawah subseksyen (2) boleh membebaskan seseorang ejen atau pekerja daripada apa-apa liabiliti bagi sesuatu kesalahan.

49. (1) Seseorang boleh disurcaj jika ternyata kepada Bank bahawa orang itu telah tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah, atau telah, bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran, fee di bawah Akta ini kepada Bank. Pengenaan surcaj.

(2) Bank hendaklah, sebelum orang itu disurcaj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu, Bank boleh mensurcajkan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank yang hendaklah dalam apa-apa hal tidak lebih daripada tiga kali ganda amaun yang tidak dipungut.

50. Menteri, Bank, Gabenornya, atau mana-mana pengarah atau pegawainya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, tidaklah boleh bertanggungan dalam sesuatu tindakan atau prosiding lain bagi, atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, sesuatu perbuatan yang dilakukan, atau sesuatu pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dibuat, dengan suci hati menurut, atau berkaitan dengan, pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan mana-mana kuasa yang diberikan kepada Bank atau seseorang pegawai penyiasat oleh Akta ini. Tanggung rugi.

51. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan tujuan Akta ini atau apa-apa peruntukan Akta ini dan untuk menetapkan apa-apa yang perlu ditetapkan di bawah Akta ini. Peraturan-peraturan.

52. Kecuali Bahagian V, Akta ini tidaklah terpakai bagi urus niaga tukaran mata wang atau apa-apa urus niaga lain yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang yang dibuat oleh seseorang peniaga yang diberikuasa atau seseorang yang diberi kebenaran oleh Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Ketakpakaian Akta.

Akta 17.

Kesalahan boleh tangkap.

53. Sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap, dan seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau seorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah subseksyen 36(1), boleh menangkap tanpa waran seseorang yang semunasabahnya disyaki olehnya telah melakukan atau sedang melakukan kesalahan itu.

Kuasa Gabenor untuk mengkompaun kesalahan.

54. (1) Gabenor boleh mengkompaun sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu suatu amaun yang tidak melebihi denda bagi kesalahan itu atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana yang lebih rendah, dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran bertulisnya atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang boleh diberikan oleh Gabenor.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun wang itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran di bawah subseksyen (1), atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang boleh diberikan oleh Gabenor, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Apabila bayaran amaun wang di bawah subseksyen (1) diterima, tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

Pendakwaan.

55. (1) Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sesuatu pendakwaan boleh dijalankan oleh seorang pegawai Bank atau seseorang yang diberikuasa secara bertulis oleh Bank.

56. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti bagi kesalahan itu jika dia— Percubaan, persubahatan dan pakatan.

(a) cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;

(b) membuat suatu perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau bagi membantu pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(c) bersubahat atau terlibat dalam suatu pakatan jenayah untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berikutan dengan pakatan itu.

(2) Suatu kesalahan di bawah Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) berhubungan dengan kesalahan itu.

57. Menteri boleh, atas syor Bank, meminda Jadual Pertama atau Jadual Kedua dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta.* Menteri boleh meminda Jadual Pertama atau Jadual Kedua.

BAHAGIAN VII

KECUALIAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

58. (1) Tertakluk kepada seksyen 59, seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk membeli dan menjual mata wang asing hendaklah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah seksyen 7 pada tarikh yang ditetapkan dan boleh menjalankan perniagaan pengurupan wang. Kecualian. *Akta 17.*

(2) Seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk membeli mata wang asing boleh menjalankan pembelian mata wang asing sehingga habis tempoh lesennya di bawah Akta itu.

(3) Seseorang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi apa-apa syarat atau sekatan, sehingga takat dan dalam masa, yang boleh ditentukan oleh Bank.

Pemberian lesen kepada orang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen 58(1).

59. (1) Jika baki tempoh kesahan lesen seseorang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen 58(1) ialah dua bulan atau lebih dari tarikh yang ditetapkan, maka orang itu hendaklah memohon di bawah seksyen 6 untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan pengurupan wang bagi baki tempoh kesahan lesennya dalam masa enam bulan dari tarikh yang ditetapkan dan seksyen 8 dan 22 tidaklah terpakai bagi orang itu.

(2) Jika baki tempoh kesahan lesen seseorang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen 58(1) adalah kurang daripada dua bulan dari tarikh yang ditetapkan, maka orang itu hendaklah memohon dengan serta-merta untuk mendapatkan suatu lesen baru bagi menjalankan perniagaan pengurupan wang di bawah seksyen 6, dan seksyen 8 dan 22 hendaklah terpakai bagi orang itu.

(3) Bank boleh memberikan suatu lesen di bawah seksyen 7, dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan suatu lesen.

(4) Lesen yang disifatkan sebagai dipegang di bawah subseksyen 58(1) hendaklah disifatkan sebagai telah terbatal, jika—

(a) subseksyen (1) atau (2) tidak dipatuhi, apabila habis tempoh yang ditentukan dalam subseksyen itu; atau

(b) subseksyen (1) atau (2) adalah dipatuhi tetapi suatu lesen ditolak di bawah seksyen 7, pada tarikh penolakan.

Pemindahan perniagaan kepada syarikat dan peningkatan modal syer berbayar.

60. Dalam tempoh lima tahun dari tarikh yang ditetapkan—

(a) suatu ketuanpunyaan tunggal atau suatu perkongsian, yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen 58(1), hendaklah memindahkan kepada suatu syarikat harta, perniagaan dan liabilitinya berhubungan dengan perniagaan pengurupan wangnya dalam Malaysia; dan

(b) suatu syarikat yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah subseksyen 58(1), termasuk suatu syarikat di bawah perenggan *(a),* hendaklah meningkatkan modal syer berbayarnya yang minimum, yang tidak terjejas oleh kerugian, kepada satu ratus ribu ringgit.

Pembatalan lesen kerana ketakpatuhan seksyen 60.

61. Jika seksyen 60 tidak dipatuhi, lesen yang diberikan di bawah seksyen 59 adalah disifatkan telah terbatal di bawah seksyen 12 apabila habis tempoh yang diperuntukkan dalam seksyen 60.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

MATA WANG ASING YANG TIDAK TERMASUK

Mata wang dari wilayah yang berikut tidaklah termasuk dalam takrif "mata wang asing":

1. Israel.
2. Republik Persekutuan Yugoslavia (Serbia dan Montenegro).

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 32(4)]

KRITERIA MINIMUM BAGI ORANG YANG "LAYAK DAN SESUAI"

Kriteria minimum bagi orang yang "layak dan sesuai".

1. (1) Menurut subseksyen 32(4), seseorang pemegang lesen, dalam menentukan sama ada seseorang adalah "layak dan sesuai" untuk memegang jawatan seorang pengarah, atau pegawai, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wangnya hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara yang berikut:

(a) kejujuran, kekompetenan dan kewarasan pertimbangannya untuk menunaikan tanggungjawab jawatan itu;

(b) apa-apa keterangan bahawa dia telah terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang tampaknya memperdaya atau selainnya tidak patut;

(c) sama ada lesennya, atau lesen syarikat yang dengannya dia memegang suatu jawatan yang bertanggungjawab, yang diberikan di bawah Akta ini atau Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 telah dibatalkan; *Akta 17*

(d) sama ada dia pernah menjadi suatu pihak dalam apa-apa tindakan atau keputusan lembaga atau pengurusan seseorang pemegang lesen yang memudaratkan kepentingan pemegang lesen itu atau pelanggannya;

(e) sama ada dia pernah memegang suatu jawatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan mana-mana syarikat yang lelah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis semasa tempoh jawatannya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinannya dan dia tidak berupaya untuk menghalang kesalahan itu;

(f) sama ada dia pernah memegang jawatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan mana-mana syarikat yang semasa tempoh jawatannya—

(i) telah ingkar membayar apa-apa jurnlah wang penghakiman terhadapnya;

(ii) telah menggantung pembayaran atau telah mencapai persetujuan bersama pemiutangnya; atau

(iii) seorang pegawai penerima atau pengurus telah dilantik berkenaan dengan hartanya; dan

(g) sama ada dia akan dapat bekerja sepenuh masa, dan tidak akan menjalankan apa-apa perniagaan atau pekerjaan lain, kecuali sebagai pengarah bukan eksekutif atau pemegang syer syarikat lain.

Orang yang disifatkan sebagai tidak "layak dan sesuai"

2. Seseorang adalah disifatkan sebagai orang yang tidak "layak dan sesuai" jika—

(a) dia pernah dikompaunkan atau disabitkan; atau

(b) sebagai seorang pengarah, atau seorang pegawai, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wang seseorang pemegang lesen, telah menyebabkan pemegang lesen itu dikompaunkan atau disabitkan,

Akta 125.
Akta 519.
Akta 372.
Akta 276.
Akta 553.
Akta 312.
Akta 17.

atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, Akta Syarikat 1965, Akta Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 atau apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan menyeluruh bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan pengurupan wang. Pada masa sekarang, peraiagaan pengurupan wang adalah dikawalselia menurut lesen yang dikeluarkan secara pentadbiran di bawah subseksyen 4(1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Didapati bahawa satu aturan perundangan yang menyeluruh adalah perlu untuk mengawalselia perniagaan pengurupan wang. Peruntukan dalam Rang Undang-Undang ini adalah berasaskan amalan pada masa kini dalam pelesenan perniagaan pengurupan wang.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 memperkatakan tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mentakrifkan beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

Fasal 3 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Bank diberi segala fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta yang dicadangkan dan Gabenor adalah diberi kuasa untuk menjalankan fungsi itu bagi pihaknya. Pihak berkuasa pelesenan ialah Bank dan ia boleh melantik mana-mana pegawainya untuk menjalankan kuasa pelesenannya.

3. Bahagian II membuat peruntukan bagi pelesenan seseorang yang menjalankan perniagaan pengurupan wang.

Fasal 4 melarang seseorang daripada menjalankan perniagaan pengurupan wang melainkan jika dia dilesenkan di bawah Akta yang dicadangkan dan mentakrifkan "perniagaan pengurupan wang".

Fasal 5 memperuntukkan bahawa pemohon bagi sesuatu lesen hendaklah sesuatu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan pemohon mesti mempunyai modal syer berbayar yang minimum, tidak terjejas oleh kerugian, sebanyak satu ratus ribu ringgit.

Fasal 6 menyatakan prosedur bagi memohon sesuatu lesen.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi pelesenan seseorang dan Bank boleh mempertimbangkan untuk memberikan atau enggan memberikan sesuatu lesen.

Fasal 8 menyatakan bahawa apabila dilesenkan atau apabila lesen diperbaharui, suatu fee sebanyak lima ratus ringgit atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri kena dibayar oleh pemegang lesen. Ia juga memperuntukkan bahawa suatu surcaj kena dibayar oleh pemegang lesen sekiranya ia tidak membayar fee itu.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa sesuatu lesen hendaklah untuk tempoh selama lima tahun atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank dalam lesen itu dan seseorang pemegang lesen dikehendaki memohon untuk memperbaharui lesen satu bulan sebelum lesennya tamat.

Fasal 10 memberi Bank kuasa untuk mengenakan atau meminda apa-apa syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen.

Fasal 11 bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pemegang lesen untuk mempamerkan lesennya dan menyatakan bentuk dan cara bagi pempameran lesen.

Fasal 12 menyatakan alasan yang berdasarkannya Bank boleh membatalkan fesen seseorang.

Fasal 13 membuat peruntukan bagi seseorang yang lesennya telah dibatalkan untuk merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad. Rayuan itu hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Bank.

Fasal 14 menghendaki seseorang supaya mengemukakan lesennya kepada Bank selepas pembatalan lesen itu,

Fasal 15 melarang seseorang yang lesennya telah dibatalkan daripada menjalankan perniagaan pengurupan wang.

Fasal 16 menyatakan prosedur bagi seseorang pemegang lesen menyerahkan balik lesennya.

. *Fasal 17* bertujuan untuk mengekalkan hak dan tuntutan mana-mana orang terhadap orang yang lesennya telah dibatalkan atau yang telah menyerahkan balik lesennya, yang berbangkit daripada apa-apa perkara sebelum pembatalan atau penyerahan balik itu. Keadaan yang sama adalah terpakai bagi hak dan tuntutan oleh seseorang yang lesennya telah dibatalkan atau diserahkan balik terhadap mana-mana orang.

Fasal 18 melarang seseorang pemegang lesen daripada menukar apa-apa butir pelesenannya tanpa mendapat kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu.

Fasal 19 menghendaki Bank supaya menyiarkan setiap tahun dalam *Warta* suatu senarai semua pemegang lesen dan alamat pejabat mereka.

4. Bahagian III memperkatakan kelulusan bagi pejabat di mana seseorang pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurupan wang.

Fasal 20 melarang seseorang pemegang lesen daripada membuka sesuatu pejabat dalam Malaysia tanpa mendapat kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu.

Fasal 21 menyatakan prosedur bagi seseorang pemegang lesen memohon untuk mendapatkan suatu kelulusan di bawah *fasal 20.*

Fasal 22 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen hendaklah membayar suatu fee sekaligus apabila memperoleh kelulusan Bank bagi membuka sesuatu pejabat dan suatu fee tahunan bagi tempat utamaperniagaannyadansetiappejabatnyayanglain.Iajugamengadakan peruntukan bagi pengenaan suatu surcaj jika pemegang lesen tidak membuat pembayaran.

5. Bahagian IV mengawalselia cara seseorang pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurupan wang.

Fasal 23 menghendaki seseorang pemegang lesen menyenggara modal syer berbayar yang minimum, yang tidak terjejas oleh kerugian, sebanyak satu ratus ribu ringgit atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri.

Fasal 24 melarang penggunaan perkataan "pengurup wang", "tukaran mata wang", "tukaran wang", "peniaga mata wang asing", "tukaran mata wang asing", *"bureau de change"* atau apa-apa perkataan lain yang dapat ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan perniagaan pengurupan wang, jika kelulusan Bank tidak diperoleh terlebih dahulu.

Fasal 25 menghendaki seseorang pemegang lesen supaya melekatkan atau mengecat namanya dan perkataan "pengurup wang berlesen" dan "licensed money-changer" di luar setiap pejabatnya.

Fasal 26 melarang mana-mana orang daripada menyiarkan sesuatu iklan bagi mempelawa atau membuat tawaran untuk menukar mata wang asing melainkan jika iklan itu adalah untuk, atau bagi pihak, seorang pemegang lesen. Ia juga bertujuan untuk melarang seseorang daripada membuat pengiklanan yang mengelirukan.

Fasal 27 menyatakan cara seseorang pemegang lesen dikehendaki mempamerkan kadar tukaran mata wang semasa.

Fasal 28 menghendaki seseorang pemegang lesen menyediakan suatu resit bagi setiap urus niaga yang berhubungan dengan perniagaan pengurupan wang dan menyatakan bentuk resit itu, termasuk butir-butir yang perlu dinyatakan dalamnya.

Fasal 29 menyatakan had maksimum pegangan mata wang asing seseorang pemegang lesen.

Fasal 30 melarang seseorang pemegang lesen mengirim atau memindahkan dana ke luar Malaysia. Walau bagaimanapun, dia boleh mengirim atau memindahkan dananya sendiri melalui seorang peniaga yang diberikuasa.

Fasal 31 melarang seseorang pemegang lesen daripada memajakkan, memindahmilikkan, menyerahhakkan atau membenarkan orang lain mengawal perniagaan pengurupan wangnya.

Fasal 32 melarang seseorang pemegang lesen daripada melantik seorang pengarah, atau seorang pegawai, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke alas perniagaan pengurupan wangnya melainkan jika orang itu memenuhi kriteria orang yang "layak dan sesuai" yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta yang dicadangkan.

Fasal 33 menghendaki seseorang pemegang lesen melantik seorang juruaudit setiap tahun untuk menjalankan suatu pengauditan perniagaan pengurupan wangnya. Ia juga menyatakan perkara-perkara yang dikehendaki daripada juruaudit itu dan memperuntukkan bahawa pemegang iesen adalah bertanggungjawab bagi saraan juruaudit itu.

Fasal 34 mengenakan kewajipan ke atas pemegang lesen untuk mengemukakan kepada Bank apa-apa maklumat yang boleh ditentukan oleh Bank.

Fasal 35 menjadikan pengemukaan maklumat yang palsu atau tidak betul suatu kesalahan.

6. Bahagian V menyatakan kuasa penyiasatan Bank yang boleh dijalankan oleh mana-mana orang yang dilantik olehnya sebagai pegawai penyiasat.

Fasal 36 memberi Bank kuasa untuk melantik mana-mana orang sebagai pegawai penyiasatnya.

Fasal 37 menyatakan kuasa seorang pegawai penyiasat untuk menggeledah dan menyita dengan atau tanpa waran.

Fasal 38 memberi seseorang pegawai penyiasat kuasa untuk memeriksa mana-mana orang yang dia syak ada pada tubuhnya apa-apa harta atau dokumen dan boleh menahan orang itu bagi memudahkan pemeriksaan.

Di bawah *fasal 39* seseorang hanya boleh diperiksa oleh seorang pegawai penyiasat yang sama jantina dengannya.

Fasal 40 menjadikan suatu kesalahan perbuatan menghalang seseorang pegawai penyiasat daripada menjalankan mana-mana kuasanya, atau enggan memberi seseorang pegawai penyiasat apa-apa harta, dokumen atau maklumat atau memberikan maklumat palsu.

Fasal 41 memperuntukkan bahawa seseorang pegawai penyiasat boleh menghendaki orang yang memiliki apa-apa dokumen yang disita supaya memberikan terjemahan bagi mana-mana dokumen yang bukan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Fasal 42 memberi seseorang pegawai penyiasat kuasa untuk memeriksa mana-mana orang yang dia percaya mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan sesuatu kes.

Fasal 43 memberi seseorang pegawai penyiasat kuasa untuk menghendaki penyerahan apa-apa harta atau dokumen.

Fasal 44 memperuntukkan bahawa Bank, sama ada atas inisiatifnya sendiri, atau pun atas permintaan seseorang pegawai polis atau mana-mana pegawai awam yang lain semasa menjalankan penyiasatannya, boleh membenarkan pegawai itu akses kepada sesuatu salinan dokumen yang disita atau diambil milik atau sesesuatu rekod pemeriksaan atau pernyataan bertulis.

Fasal 45 memperuntukkan bahawa seseorang pegawai penyiasat hondaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dan pegawai awam.

Fasal 46 mengenakan kewajipan ke atas pegawai penyiasat untuk menyerahkan mana-mana orang yang telah ditangkapnya kepada seorang pegawai polis tanpa kelengahan yang tidak perlu.

7. Bahagian VI memperkatakan perkara pelbagai.

Fasal 47 memperuntukkan bahawa jika suatu kesalahan dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, penalti pemenjaraan tidak terpakai baginya.

Fasal 48 memperuntukkan bahawa jika suatu kesalahan telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, seseorang yang pada masa berlakunya kesalahan itu ialah pengarahnya, atau seorang pegawai, yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wangnya boleh dihukum dengan sewajarnya. Iajuga mengenakan penalti ke atas prinsipal atau majikan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh ejen atau pekerjanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fasal 49 membuat peruntukan mengenai pengenaan surcaj jika terdapat kelewatan dalam pembayaran fee.

Fasal 50 memperuntukkan tanggung rugi untuk Menteri, Bank, Gabenor, pengarah, pekerja Bank atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Bank dengan suci hati.

Fasal 51 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 52 membuat peruntukan mengenai ketakpakaian Akta yang dicadangkan (kecuali Bahagian V) bagi urus niaga tertentu.

Fasal 53 memperuntukkan bahawa sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah Akta yang dicadangkan adalah suatu kesalahan boleh tangkap.

Fasal 54 membuat perantukan bagi kuasa untuk mengkompaun kesalahan oleh Gabenor. Tawaran untuk mengkompaun itu boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum pendakwaan bagi kesalahan itu dimulakan.

Fasal 55 memperuntukkan bahawa sesuatu pendakwaan di bawah Akta yang dicadangkan hanya boleh dilakukan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya terlebih dahulu dan seseorang pegawai Bank atau seseorang yang diberikuasa oleh Bank boleh mendakwa kesalahan itu.

Fasal 56 menjadikan suatu kesalahan perbuatan cuba untuk melakukan suatu kesalahan atau melakukan apa-apa perbuatan persediaan atau membantu pelakuan sesuatu kesalahan, atau bersubahat atau terlibat dalam pakatan jenayah untuk melakukan apa-apa kesalahan yang menjadi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 57 memperuntukkan bahawa Menteri boleh meminda Jadual Pertama atau Jadual Kedua kepada Akta yang dicadangkan.

8. Bahagian VII memperkatakan kecualian dan peruntukan peralihan.

Fasal 58 memperuntukkan bahawa seseorang yang pada masa ini dilesenkan di bawah subseksyen 4(1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 adalah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah Akta yang dicadangkan. Ia juga memperuntukkan bahawa seseorang yang memegang lesen untuk membeli mata wang asing akan dibenarkan untuk menjatankan perniagaannya sehingga lesennya tamat.

Fasal 59 memperuntukkan bahawa seseorang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah *fasal 58* dan yang lesennya masih sah bagi tempoh dua bulan atau lebih dari tarikh yang ditetapkan bagi Akta yang dicadangkan hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu lesen baru di bawah *fasal 6* dalam masa enam bulan dari tarikh yang ditetapkan. Jika lesen itu masih sah bagi tempoh kurang daripada dua bulan dari tarikh yang ditetapkan, maka orang itu hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu lesen baru dengan serta-merta.

Fasal 60 menghendaki seseorang pemegang lesen sedia ada yang merupakan ketuanpunyaan tunggal atau perkongsian, supaya memindahkan perniagaan pengurupan wang dan liabilitinya kepada suatu syarikat dalam tempoh lima tahun. Syarikat baru ini adalah dikehendaki mempunyai modal syer berbayar yang minimum, yang tidak terjejas oleh kerugian, sebanyak satu ratus ribu ringgit.

Fasal 61 memperuntukkan bahawa jika *fasal 60* tidak dipatuhi, maka lesen yang diberikan di bawah *fasal 59* adalah disifatkan telah terbatal.

9. Jadual Pertama kepada Akta yang dicadangkan menyatakan mata wang dari wilayah yang tidak termasuk dalam takrif "mata wang asing" dan Jadual Kedua menyatakan kriteria minimum bagi orang yang "layak dan sesuai".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U^2) 2021.]